

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)62

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

62. Apakah pendekatan Kerajaan Negeri di dalam pembangunan belia khususnya selepas dasar Undi18 telah diperkenalkan?
- (a) Apakah sasaran Kerajaan Negeri di dalam aspek tersebut?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

62. Susulan daripada pelaksanaan Dasar Undi18 yang menyaksikan golongan pengundi baharu dalam lingkungan umur 18 hingga 20 telah mengambil bahagian secara langsung pada Pilihan Raya Umum Ke-14 dan Pilihan Raya Negeri Ke-14 yang lalu.

Susulan daripada ini, Kerajaan Negeri telah meningkatkan usaha bagi memastikan suara golongan belia dan anak muda ini didengari dan diterjemahkan dalam pelbagai aspek pentadbiran dan pelaksanaan dasar serta polisi Kerajaan Negeri bagi memenuhi aspirasi golongan belia dan seiring dengan Visi Penang2030.

Antara pendekatan dan inisiatif yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri di dalam aspek ini adalah seperti berikut:

- (i) Program Jelajah Belia merupakan sebuah program di bawah inisiatif Pemerkasaan Belia Luar Bandar yang dianjurkan bagi memfokuskan penglibatan belia luar bandar terutamanya di kawasan kampung selari dengan Visi Penang2030. Pengisian yang direncanakan bagi program adalah mengikut kesesuaian komuniti di kawasan tersebut. Setiap program yang dianjurkan akan diisi dengan sesi libat urus atau sembang santai. Ia bertujuan untuk berinteraksi dengan belia di luar bandar serta mendalami isu dan cabaran yang mereka hadapi. Maklum balas yang diterima dari sesi ini antaranya adalah cadangan untuk mengadakan program, keperluan infrastruktur, peluang pendidikan dan pekerjaan disamping isu-isu semasa yang memerlukan perhatian. Selain itu juga, Jelajah Kampung ini dijadikan platform bagi mempromosikan dan melibatkan belia di dalam program kesukarelawan melalui Program Sukarelawan Belia Pulau Pinang. Program ini juga melibatkan kerjasama daripada jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan

Negeri, pertubuhan-pertubuhan belia serta komuniti setempat.

Senarai program yang telah dianjurkan adalah seperti berikut:

- (a) Jelajah Belia 2024: Sembang Santai @ Kampung Baru Alma
 - (b) Jelajah Belia 2024: Ihya Ramadan IKRAM
 - (c) Jelajah Belia 2024: Singgah Sahur @ Permatang Pasir
 - (d) Jelajah Belia 2024: Konvoi Kawasan @ Balik Pulau
-
- (ii) Program Sidang Muda merupakan program anjuran tahunan untuk membangunkan kapasiti kepimpinan dari aspek politik serta menekankan nilai demokrasi dan pendidikan untuk golongan belia di Negeri Pulau Pinang selaras dengan Visi Penang2030. Hasilnya, ramai Alumni Sidang Muda telah menceburi sektor awam serta pertubuhan-pertubuhan. Ini telah membuktikan bahawa Sidang Muda merupakan salah satu pemangkin kepada penglibatan belia dalam pembangunan masyarakat.
 - (iii) Penubuhan Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP) bertujuan sebagai mekanisme formal yang menjadikan pemangkin untuk menggerakkan usaha dan program pembangunan belia

di KADUN masing-masing serta untuk melatih lebih ramai lagi pemimpin muda. Jawatankuasa tersebut melibatkan belia dalam agenda pembangunan belia setempat dengan konsep “dari belia untuk belia”.

- (iv) Memperkenalkan Dana Pembangunan Belia, iaitu sebuah dana yang dikhkususkan kepada pertubuhan-pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) atau sayap pemuda persatuan-persatuan yang berdaftar di bawah Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) (kecuali parti-parti politik) atau badan-badan yang tidak berdaftar sama ada di bawah ROY atau ROS, tetapi berdaftar di bawah akta parlimen untuk menganjurkan sesebuah program pembangunan belia. Dana ini dikhkususkan bagi menganjurkan program yang berobjektifkan kemahiran, kebolehpasaran, kesukarelawan, berpersatuan, kepimpinan serta program pengiktirafan serta penganugerahan.

Sasaran Kerajaan Negeri dalam aspek pembangunan belia khususnya selepas dasar Undi18 diperkenalkan adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan kesedaran terhadap perkembangan isu sosiopolitik;
- (ii) Meningkatkan kesedaran atas tanggungjawab sebagai rakyat dan pengundi;
- (iii) Mewujudkan perbincangan isu sosial dan politik secara bernes dan sihat;
- (iv) Memperkasakan belia melalui sesi interaksi dan dialog;
- (v) Mendedahkan kepada belia mengenai inisiatif-inisiatif kerajaan; dan
- (vi) Memantapkan dan memperkuuhkan penglibatan belia dalam pembangunan negeri.